

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
BUKIT CAHAYA SRI ALAM, SHAH ALAM
MAJLIS KEMPEN HIJAUKAN BUMI
24 JUN 1995

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam suasana aman dan di bawah rimbunan hijau pokokpokok dan udara yang nyaman.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, iaitu Kelab Pecinta Hijau Malaysia dengan kerjasama Taman Pertanian Malaysia dan Rakan Cinta Alam, kerana menjemput saya pada hari ini untuk melancarkan Kempen Hijaukan Bumi sempena Tahun Sekitar Asean 1995.

3. Saya difahamkan sempena kempen ini, satu upacara Larian Rakan Cinta Alam dan senamrobik telah diadakan pada pagi ini yang pada keseluruhannya mendapat sambutan yang begitu menggalakkan.

4. Kita harus berasa bertuah hidup di negara ini kerana Kerajaan begitu prihatin terhadap soal soal menjaga kebersihan alam sekitar dan sentiasa peka kepada masalah pencemaran. Oleh itu hari ini kita menjalankan aktiviti-aktiviti yang mana akan dapat memberi mesej penting supaya rakyat bersama sama berusaha mencegah pencemaran alam sekitar dan menggalakkan orang ramai supaya cintakan alam sekitar yang bersih dan udara yang nyaman.

5. Kita harus sedar bahawa gejala pencemaran bukanlah terhad kepada satu-satu negara sahaja malah kesan pencemaran alam sekitar melibat kerosakan kepada bumi ini yang mempunyai implikasi kepada penduduk di rata-rata tempat. Oleh itu swetiap rakyat hendaklah bekerjasama dalam menentukan bahawa alam sekitar kita tidak terus tercemar. Walaupun pembangunan perlu dijalankan demi untuk esejjahteraan rakyat, namun ia hendaklah dilakukan dengan mengambil kira kesannya kepada alam sekitar. Matlamat akhir yang kita harus tuju ialah 'balanced development' yang mengambil kira kepentingan pembangunan dan keperluan menjaga kebersihan alam sekitar.

6. Saya mengucapkan terima kasih kepada orang perseorangan dan tokoh-tokoh korporat yang sedikit sebanyak telah menyumbang kepada penghindaran pencemaran alam sekitar dan telah cuba mengatasinya dengan menyokong kempen-kempen yang dianjurkan.

7. Tanpa sumbangan, tenaga, fikiran dan wang dari mana-mana pihak, kejayaan kempen seumpama ini mungkin tidak dapat dilakukan, malahan sumbangan dari pihak-pihak terlibat, telah menjadikan kempen ini penuh bermakna.

8. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan kempen Hijaukan Bumi.